

JPS giat *bersih parit tersumbat*

Inisiatif dilakukan bagi elak jalan di Kampung Bukit Kerayong ditenggelami air

KAMPUNG BUKIT KERAYONG - Kerja pembersihan parit giat dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor bagi mengelakkan Jalan Mahfuz, Kampung Bukit Kerayong terus ditenggelami air.

Wakil Unit Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Husain Idris berkata, kerja pembersihan parit dimulakan 28 Januari lalu selepas enam rumah penduduk dinaiki air selepas hujan lebat.

Menurutnya, hujan lebat yang melanda daerah ini pada 27 Januari lalu menyebabkan enam rumah di kampung terbabit dinaiki air pada jam 1.02 pagi, bagaimanapun penduduk tidak berpindah.

"Kebanyakan penduduk mengambil ke-

putusan untuk menetap di rumah anak atau tinggal di rumah atas dan enggan berpindah...mungkin bimbang harta benda selepas rumah ditinggalkan kosong.

"Hasil siasatan mendapati punca banjir disebabkan hujan lebat dan limpahan air di Jalan Haji Mahfuz tidak dapat mengalir sempurna disebabkan belum diselenggara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Husain yang juga Penghulu Mukim Api-Api/Ijok itu berkata, JPS melaksanakan kerja penyelenggaraan parit di kawasan terjejas bagi mengelakkan insiden banjir kilat berulang.

"Laporan polis juga dibuat secara berkelompok oleh ketua kampung bagi membolehkan prosedur



Kerja penyelenggaraan parit yang dijalankan JPS di kawasan terjejas banjir.

lanjut termasuk sumbangan bencana dihulurkan kepada mangsa banjir.

"Setakat ini, laporan

berkaitan sudah dihantar kepada penghulu mukim Jeram, JPS dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM)

Dun Jeram.

"Sumbangan kit bencana banjir juga diagihkan kepada mangsa banjir yang

terlibat supaya beban mereka dapat diringankan sepanjang tempoh berdepan musibah ini," katanya.